

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	09 JANUARY 2017

Dr. M timbulkan isu kerana tiada modal – Yusof Noor

um-9/1/2017

KUALA LUMPUR 8 Jan. - Tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menyangkal dakwaan pelbagai pihak termasuk mufti yang tidak bersetuju dengan kenyataannya sebelum ini dilihat sengaja menimbulkan persepsi negatif terhadap kerajaan, ekoran daripada rasa tidak puas hati.

Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika pemerintahan Dr. Mahathir, Prof. Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor berkata, apa yang dibangkitkan itu tidak perlu dijadikan isu. Menurutnya, oleh kerana su-

dah tidak ada modal, bekas Perdana Menteri itu mula menimbulkan isu yang tidak sewajarnya.

“Kenyataan ini hanya sekadar mahu menarik perhatian sedangkan apa yang dikatakan itu tidak masuk akal.

“Isu ini tidak perlu diperbesarkan, kerana banyak lagi isu lain harus diberikan tumpuan, lagipun bukan dia tidak faham tentang peranan mufti sebelum ini,” katanya ke-



MOHD. YUSOF NOOR

pada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Dr. Mahathir yang menolak pandangan beberapa pihak termasuk mufti yang tidak bersetuju dengan kenyataan yang menyifatkan ibadah haji melalui Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak mendapat haji yang mabrur. Malah, Dr. Mahathir turut

mendakwa mufti-mufti dari Pahang, Kelantan dan Perak yang menyangkal kenyataannya telah dibayar untuk bercakap demikian manakala mufti perlu menafikan apa yang diperkatakannya kerana mereka di pihak kerajaan.

Mohd. Yusof menjelaskan, tugas mufti bukan sekadar ‘merestui’ semua perkara, sebaliknya, Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria sebelum ini pernah menegur pemimpin dan syarikat korporat melakukan kesilapan termasuklah isu *Jom Heboh* dan isu murtad.